

**Terma dan Syarat**  
**Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank “AmSPB”: Ganjaran Hari Lahir dan**  
**Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah**  
**(Program Pelanggan: 1 Mei 2026 hingga 31 Mac 2027)**

**PERINGATAN: Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) adalah diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan terma dan syarat terkini di mana yang akan tersedia di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my). Jika Pelanggan Layak tidak memahami apa-apa terma dan syarat dan terma dan syarat terkini, Pelanggan Layak dinasihati untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.**

**1. Definisi**

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang diberikan berikut kecuali jika konteksnya mempunyai makna yang lain:

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad (“**AmBank**”) [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad (“**AmBank Islamic**”) [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], kedua-duanya diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

" **Program**" merujuk kepada **Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank “AmSPB”: Ganjaran Hari Lahir dan Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah** yang ditawarkan oleh Bank mengikut Terma dan Syarat yang dinyatakan.

“**AmSPB**” merujuk kepada Perbankan Prioriti SIGNATURE AmBank.

"**Pelanggan Layak**" merujuk kepada semua pelanggan AmSPB yang memenuhi semua kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 3 di sini.

"**Notis Terdahulu**" bermaksud pemberian notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar.

“**Aset Utama Di Bawah Pengurusan atau ABP Utama**” adalah merujuk kepada jumlah agregat baki Akaun Utama dalam Deposit dan/atau produk Pelaburan dengan Bank.

“**Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Tetap (ASNBF)**” bermaksud dana Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Tetap.

“**Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah (ASNBV)**” bermaksud dana Amanah Saham Nasional Berhad Unit Amanah Harga Berubah.

**“Deposit”** bermaksud produk Deposit Konvensional dan/atau Islamik yang termasuk Akaun Semasa (“AS”)/Akaun Semasa-i (“AS-i”), Akaun Simpanan (“AS”)/Akaun Simpanan-i (“AS-i”), Deposit Tetap (“DT”)/Deposit Bertempoh-i (“DB-i”) (termasuk Akaun Semasa Mata Wang Asing (“ASMWA”)/Akaun Semasa Mata Wang Asing-i (“ASMWA-i”) kecuali semua Akaun Semasa HomeLink/Akaun Pelaburan HomeLink-i dan Akaun Semasa PropertyLink/Akaun Pelaburan PropertyLink-i), disediakan oleh Bank kepada Ahli AmSPB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

**“Pelaburan”** bermaksud produk Pelaburan Konvensional dan/atau Islamik yang termasuk Unit Amanah/Dana Unit Amanah Patuh Syariah, Produk Berstruktur dan/atau Bon Langsung/Sukuk dan/atau dana ASNBV/ASNBFM bagi setahun yang lepas yang disediakan oleh Bank kepada Ahli AmSPB di bawah nama Pemegang Akaun Utama pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

**“Dana Unit Amanah”** merujuk kepada satu bentuk pelaburan kolektif yang membenarkan pelabur dengan objektif yang serupa untuk menggabungkan simpanan masing-masing, dan kemudiannya dilaburkan dalam portfolio saham atau aset lain yang diurus oleh pengurus dana profesional, termasuk Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah.

**“Dana Unit Amanah Patuh Syariah”** atau **“Unit Amanah Patuh Syariah”** merujuk kepada Dana Unit Amanah Patuh Syariah yang diedarkan oleh Bank dalam Program ini.

## 2. Tempoh Program

Program ini akan bermula dari 1 Mei 2026 hingga 31 Mac 2027 (termasuk kedua-dua tarikh) (**“Tempoh Program”**) atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh Bank dengan pemberian Notis Terdahulu.

## 3. Kelayakan

3.1 Program ini terbuka kepada semua pelanggan AmSPB yang mengekalkan minima ABP Utama sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) yang memenuhi semua kriteria di bawah:

3.1.1. Ganjaran Hari Lahir adalah terbuka kepada semua pelanggan AmSPB baru dan sedia ada yang hari lahirnya berada dalam Tempoh Program iaitu 1 Mei 2026 hingga 31 Mac 2027.

3.1.2. Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah terbuka kepada semua pelanggan AmSPB yang baharu dan sedia ada tanpa Akaun Pelaburan Unit Amanah (Tunggal atau Bersama) dengan Bank ketika pelaburan dibuat.

3.2 Untuk dianggap sebagai pelanggan AmSPB, terma dan syarat khusus pentadbiran keahlian AmSPB akan terpakai di mana boleh didapati di [ambank.com.my/amspbntnc](http://ambank.com.my/amspbntnc).

#### 4. Mekanik Program

- 4.1 Di bawah Program ini, Pelanggan Layak akan menikmati Caj Jualan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, sekiranya mereka melabur dalam mana-mana Dana Unit Amanah Penyertaan (tidak termasuk pelaburan melalui pengeluaran KWSP) semasa Tempoh Program tersebut:

Jadual 1: Caj Jualan

Nilai Proposisi Pelanggan	Caj Jualan	Jumlah Pelaburan Minimum dan Maksimum
Ganjaran Hari Lahir	1.0%	Min RM1,000 dan maksimum RM100,000 untuk setiap pelanggan
Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah	0.8%	Min RM1,000 dan maksimum RM100,000 untuk setiap pelanggan

- 4.2 Dana Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada semua Dana Unit Amanah Konvensional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah terpilih kecuali **dana Amanah Saham Nasional Berhad Harga Tetap, dana Amanah Saham Nasional Berhad Harga Berubah, pelaburan Skim Persaraan Swasta (SPS)** dan mana-mana **dana unit amanah tertutup** yang dilancarkan semasa Tempoh Program.

#### 5. Kriteria Program

- 5.1 Ganjaran Hari Lahir hanya sah pada bulan lahir Pelanggan Layak. Contoh, tarikh lahir Pelanggan Layak adalah pada 15 Mei 2026, dia akan layak untuk menikmati 1.0% Caj Jualan dalam mana-mana Dana Unit Amanah Penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4.1 dari tarikh 1 Mei 2026 sehingga 31 Mei 2026. Transaksi pelaburan Ganjaran Hari Lahir mestilah dibuat dalam bulan lahir yang sama mengikut cop transaksi berjaya seperti yang direkodkan dalam Bank.
- 5.2 Bagi pelanggan AmSPB yang layak untuk Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah yang hari lahirnya jatuh pada bulan yang sama, Ganjaran Hari Lahir akan mengambil pendahuluan ke atas Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah; Pelanggan Layak dikendaki menggunakan Ganjaran Hari Lahir (mesti menggunakan RM100,000 sepenuhnya) pada 1.0% Caj Jualan, disusuli Kadar Istimewa untuk Pelabur Baru Unit Amanah sehingga RM100,000 pada 0.8% Caj Jualan. Jumlah pelaburan seterusnya akan berdasarkan caj jualan biasa mengikut matriks caj jualan Unit Amanah.

## **6. Liabiliti**

- 6.1 Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas terhadap mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau apa-apa sebab tindakan yang lain, berlaku daripada atau berhubung dengan Program ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

## **7. Terma dan Syarat Am**

- 7.1 Dengan menyertai Program ini, Pelanggan Layak dianggap sebagai telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat yang sedia ada (jika ada) yang mengawal selia peruntukan produk dan cadangan yang dirujuk dalam Program ini. Sekiranya tidak konsisten antara terma dan syarat ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai berhubung Program ini.

- 7.2 Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam produk berkaitan di bawah Program, yang berasingan dari terma dan syarat ini.

- 7.3 Penafian untuk produk pelaburan:

Produk pelaburan bukan obligasi, dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan (seperti risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat dan helaian sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik; di mana prestasi lepas bukan jaminan dan bukan petunjuk prestasi masa hadapan. Pelabur harus mempertimbangkan dengan teliti sama ada pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan mereka sendiri, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan.

Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

- 7.4 Bank mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Program ini jika Bank mendapati atau menentukan bahawa:
- 7.4.1 Pelanggan Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar dalam apa cara semasa proses kemasukan atau sepanjang Tempoh Program; atau
  - 7.4.2 Pelanggan Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat di sini.

- 7.5 Tawaran Program tidak sah dengan kempen lain yang ditawarkan oleh Bank pada masa yang sama. Oleh itu, tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan yang lain akan diberikan di bawah Program.
- 7.6 Bank berhak, pada bila-bila masa dan mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 7.7 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Program dengan memberi Notis Terdahulu.
- 7.8 Sebarang notis yang diberikan oleh Bank (jika ada) akan disiarkan di laman sesawang rasmi Bank, di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 7.9 Kecuali dengan jelas dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Program ini.
- 7.10 Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program adalah muktamad dan semua Pelanggan Layak adalah terikat kepada Program.
- 7.11 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab apabila kejadian Force Majeure berlaku. "Force Majeure" merujuk kepada sebarang kejadian dan/atau keadaan yang tidak dijangka yang tidak berada dalam kawalan munasabah Bank, yang mana Bank tidak dapat mencegah, mengelak atau menghapuskan termasuk bencana alam seperti banjir, ribut, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah atau tenggelamnya tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penyekatan, gangguan perindustrian, rusuhan, peperangan, yang berada di luar kawalan mana-mana pihak atau apa-apa peristiwa, keadaan atau keadaan lain yang serupa yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 7.12 Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 7.13 Versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini juga boleh didapati di [www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions).

- 7.14 Pelanggan adalah dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Program, jika ada.
- 7.15 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Program ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Talian Prioriti di +603-2178 6600 (Isnin – Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam) atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).